



CHE RANI CHE DINI | BERITA HARIAN

TIDAK TERSUSUN: Sebahagian Kampung Jalan Kebun Bunga yang selalu dilanda banjir.

Pembangunan atasi banjir Kebun Bunga

Penduduk berfikir positif terhadap usaha Kerajaan Selangor perkenal projek in-situ

Oleh Rafidah Mat Ruzki

SHAH ALAM: Kedudukannya yang dikatakan lebih rendah daripada paras jalan menyebabkan Kampung Kebun Bunga di Batu Tiga di sini, sering kali digenangi banjir setiap kali hujan lebat.

Walaupun jelas dan bosan dengan masalah yang tidak berkesudahan, inilah hakikat yang harus diterima penduduk kampung berkenaan yang mana kawasan perumahan mereka terletak di laluan Sungai Damansara.

Bagi mengatasi masalah ini dan juga untuk memastikan kampung yang terletak di persekitaran kawasan yang sudah menjadi bandar ini tidak ketinggalan daripada arus kemajuan negeri, apa yang diperlukan di Kampung Kebun Bunga adalah pembangunan terancang.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan negeri, Datuk Mohd Mokhtar

Ahmad Dahalan, berkata pembangunan di kawasan itu bagaimanapun, memerlukan persetujuan penduduk.

Katanya, projek pembangunan di kampung itu penting dan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo sendiri sudah mengarahkan satu pasukan kerja ditubuhkan bagi memantau projek pembangunan yang bakal dilaksanakan.

Untuk itu, satu sesi taklimat berhubung perkara berkenaan diadakan baru-baru ini.

"Apa yang membanggakan penduduk datang dengan minda terbuka dan positif," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan penduduk Kampung Kebun Bunga, di Seksyen 22, di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Tiga, Datuk Salamon Selamat dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Lee Loke Chong.

Salamon dalam taklimatnya berkata,

dua bentuk pembangunan dicadangkan kepada penduduk iaitu pembangunan in-situ dan pembangunan semula.

Katanya, pembangunan in-situ membabitkan projek naik taraf infrastruktur seperti jalan, parit dan menambak tapak rumah.

Bagi pembangunan semula, ia membabitkan tiga pilihan iaitu usaha sama antara pemaju dengan pemilik tanah, pemaju membeli terus tanah daripada pemilik tanah dan pengambilan tanah oleh kerajaan.

"Melalui konsep usaha sama, pemilik tanah adalah rakan kongsi pemaju dan mereka terbabit secara terus dalam pembangunan termasuk memberi pandangan terhadap pembangunan projek.

"Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah agensi pembangunan Kerajaan Selangor yang akan dilantik sebagai pemaju," katanya.

Pilihan kedua membabitkan pembeli-

an terus tanah daripada pemiliknya selepas tanah berkenaan dinilai kedua-dua pihak dan dipersetujui.

Tanah itu akan dimajukan PKNS, manakala pemilik tanah diberi keutamaan untuk membeli unit yang dimajukan.

Pilihan ketiga pula membabitkan pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Selangor dan pampasan akan dibayar kepada pemilik tanah berdasarkan penilaian kerajaan, sebelum tanah itu dimajukan PKNS.

Melalui pilihan itu, pemilik tanah turut diberikan keutamaan untuk membeli unit yang dimajukan.

Lee pula dalam taklimatnya berkata, ketika ini, satu projek membina ban konkrit sedang dijalankan dan dijangka siap Jun tahun depan.

Pada masa sama, katanya, paras kampung itu yang kini terletak di bawah paras Sungai Damansara perlu ditambah sehingga ke paras ban sedia ada.



“Melalui konsep usaha sama, pemilik tanah adalah rakan kongsi pemaju dan mereka terbabit secara terus dalam pembangunan termasuk memberi pandangan terhadap pembangunan projek”

Salamon Selamat
Adun Batu Tiga



“Projek pembangunan di kampung itu penting dan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo sendiri sudah mengarahkan satu pasukan kerja ditubuhkan bagi memantau projek pembangunan yang bakal dilaksanakan”

Mohd Mokhtar
Ahmad Dahalan
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan,
Pengurusan Bangunan dan Setinggan



TRAGEDI: Banjir yang melanda Shah Alam suatu ketika dulu.